

Jumaat – 4 Disember 2020

Halaman : 42



Orang Asli terkesan Covid-19 dibantu

PERBADAN Menteri Besar Perak (MB Inc.) meneruskan bantuan kepada masyarakat Orang Asli yang terkesan wabak Covid-19 dengan menyumbangkan kotak makanan membabitkan empat perkampungan masyarakat itu di Lenggong, Perak, baru-baru ini.

Kawasan yang terlibat ialah Kampung Sungai Karah membabitkan 18 penduduk,

Kampung Takong (sembilan penduduk), Kampung Air Bah 1 (41 penduduk) dan Kampung Air Bah 2 membabitkan 25 penduduk.

Ketua Pegawai Eksekutif MB Inc., Anuar Zainal Abidin berkata, MB Inc. sebagai sebuah entiti korporat di bawah kerajaan negeri sedaya upaya membantu golongan yang terkesan dengan Covid-19 melalui program tanggungjawab

korporat sosial (CSR).

Agihan sumbangan dilakukan sendiri oleh kakitangan MB Inc. dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Perak dan Kedah.

■ KAKITANGAN MB Inc. menyampaikan sumbangan barang makanan kepada kanak-kanak Orang Asli di Lenggong, Perak, baru-baru ini. - IHSAN MB INC